



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

# GARIS PANDUAN PENGELASAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG KATEGORI HOTEL BANDAR, RESORT, TANAH TINGGI, BUTIK DAN INOVATIF

### DEFINISI PREMIS PENGINAPAN PELANCONG

Mana-mana premis penginapan yang telah didaftarkan oleh Pesuruhjaya di bawah subseksyen 31C(1) Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

### 1. KATEGORI PENGELASAN

#### a) **Hotel Bandar:**

Premis di kawasan yang diwartakan bandar atau kawasan penempatan mempunyai penduduk minima 10 ribu orang atau kawasan pembangunan khusus; **atau** pusat pentadbiran daerah walaupun penduduknya kurang daripada 10 ribu orang **dan** sekurang-kurangnya 60 peratus penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dengan aktiviti bukan pertanian.

Mana-mana premis yang **tidak dikategorikan sebagai Hotel Resort (Pulau/Pantai/Tasik/Sungai) dan Hotel Tanah Tinggi** boleh dikategorikan sebagai Hotel Bandar.

(**Sumber** : Dasar Perbandaran Negara 2006, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Wilayah Persekutuan)

#### b) **Hotel Resort (Pulau/Pantai/Tasik/Sungai):**

Premis wajib dikelaskan sebagai Hotel Resort sekiranya **berdekatan dengan pantai atau tasik** atau **sungai** atau **berada di pulau terpencil**. (selain Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Labuan)

#### c) **Hotel Tanah Tinggi:**

Premis wajib dikelaskan sebagai Hotel Tanah Tinggi sekiranya berada lebih 300 m dari paras laut.

(**Sumber** : Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2009).

**d) Hotel Butik:**

Premis menawarkan perkhidmatan yang mesra, bersifat personal serta mewah dengan konsep dan reka bentuk yang unik serta tersendiri.

**e) Hotel Inovatif:**

Premis mempamerkan ciri-ciri artistik, estetik, unik dan tersendiri dalam pembinaannya. Ini dapat dilihat melalui reka bentuk dan material hotel seperti iglu, *tree house*, heksagon, bas, kontena, *tube*, kapsul dan lain-lain yang tidak bersifat konvensional.

## **2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- a) Berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC);
- b) Mempunyai Lesen Perniagaan/ Lesen Operasi Hotel atau penginapan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- c) Menawarkan lebih daripada sepuluh (10) bilik atau lebih daripada lima puluh (50) buah katil, mengikut mana-mana yang terpakai (*Akta 482*);
- d) Memenuhi syarat-syarat pihak BOMBA seperti mempunyai:
  - i. Sijil Perakuan BOMBA sekiranya telah beroperasi lebih dari setahun; **atau**
  - ii. Memadai mempunyai *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) sekiranya premis beroperasi kurang satu tahun; **atau**
  - iii. Sijil Perakuan BOMBA bagi premis reka bentuk laluan langkan terbuka (*design of open led passage*) di mana mempunyai empat (4) tingkat dan ke atas serta lebih daripada 50 bilik; **atau**
  - iv. Sijil Perakuan BOMBA bagi premis reka bentuk lain di mana mempunyai 21 bilik dan lebih; **atau**

- v. Premis yang mempunyai reka bentuk laluan langkan terbuka (*design of open led passage*) dan kurang daripada empat (4) tingkat tidak perlu mengemukakan Sijil Perakuan BOMBA.

**(Sumber :** Akta Perkhidmatan Bomba 1988 : Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998)

- e) Menjadi ahli mana-mana persatuan hotel yang diiktiraf oleh MoTAC seperti di **Lampiran A**;
- f) Semua kakitangan pengendali makanan hendaklah memperoleh Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan *Anti Thyphoid*;
- g) Menyediakan *Grease Trap* bagi premis yang mempunyai F&B;
- h) Menyediakan *Generator Set* mengikut keperluan perundangan sedia ada;
- i) Menyediakan satu (1) bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Pihak hotel perlu mendapatkan pengecualian daripada PBT dan pihak Agensi / Kerajaan yang berkaitan sekiranya tidak dapat menyediakan kemudahan tersebut;  
**(Sumber :** Seksyen 26, Akta Orang Kurang Upaya 2008)
- j) Premis yang menyediakan perkhidmatan menyumberluar (*outsourc*e) perlu dinilai sekiranya perkongsian kemudahan tersebut berada di kawasan yang berhampiran/munasabah. Markah hanya diberi sekiranya panel penilai dibenarkan membuat penilaian terhadap kemudahan tersebut;
- k) Sekiranya premis tidak dapat menyediakan kemudahan disebabkan oleh Arahan/Peraturan/Undang-undang yang berkuat kuasa premis hendaklah mengemukakan surat pengecualian daripada pihak berkaitan;
- l) Menawarkan bilik penginapan dalam keadaan:  
i. blok bangunan yang sama; **atau**  
ii. kelompok atau tingkat yang sama dan tersusun; **dan**  
iii. mematuhi syarat di para 2(c).

**Nota:**

Penjelasan lanjut boleh dirujuk Soalan Lazim Pengelasan.

- m) Premis penginapan hendaklah **tidak bercampur** dengan unit kediaman persendirian sekiranya berada dalam tingkat yang sama; **dan**
- n) Premis hotel perlu dikelaskan terlebih dahulu bagi :
  - i. Penggredan 3 hingga 5 Bintang kategori Hotel Bandar atau Hotel Resort atau Hotel Tanah Tinggi sebelum memohon bagi kategori Hotel Butik.
  - ii. Penggredan 1 hingga 5 Bintang kategori Hotel Bandar atau Hotel Resort atau Hotel Tanah Tinggi sebelum memohon bagi kategori Hotel Inovatif.

### 3. **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

- a) Salinan Sijil Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong;
- b) Salinan Lesen Perniagaan Premis Penginapan daripada PBT;
- c) Salinan Sijil Perakuan Bomba atau Salinan CCC atau Surat Pelepasan Perakuan Bomba seperti mana ketetapan di perenggan 2(d);
- d) Salinan Sijil Persatuan Hotel yang diiktiraf oleh MoTAC;
- e) Salinan Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan *Anti Thyphoid*;
- f) Salinan surat pengecualian daripada PBT dan pihak Agensi / Kerajaan yang berkaitan sekiranya tidak dapat menyediakan satu (1) bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk OKU jika berkenaan;
- g) Salinan dokumen kontrak jika perkhidmatan menyumberluar (*Outsource*) disediakan oleh pihak hotel; **dan**
- h) Salinan surat pengecualian daripada pihak berkaitan sekiranya premis tidak dapat menyediakan kemudahan disebabkan oleh Arahan/Peraturan/Undang-undang yang berkuat kuasa.

**Nota:**

Salinan dokumen yang dikemukakan perlu mendapat pengesahan oleh Penjawat Awam daripada **Kumpulan Pengurusan dan Professional Gred 41** ke atas (selain Pegawai MOTAC) **ATAU** Ketua Kampung / Penghulu **ATAU** Pesuruhjaya Sumpah.

#### 4. TATACARA PERMOHONAN

- a) Melengkapkan maklumat Borang Permohonan Pengelasan Premis Penginapan Pelancong yang dimuat turun melalui laman sesawang [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my).
- b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di para 3 dan Borang Permohonan Pengelasan Premis Penginapan Pelancong hendaklah dikemukakan ke Pejabat MOTAC Negeri berkenaan.

#### 5. FI YANG PERLU DIBAYAR

Tiada fi dikenakan bagi permohonan pengelasan buat masa ini.

#### 6. MEKANISME PENGELASAN

- a) Pemeriksaan premis akan dilakukan dalam **tempoh 30 hari bekerja** selepas permohonan pengelasan diterima;
- b) Permohonan pengelasan semula hendaklah dikemukakan **tiga (3) bulan sebelum** tarikh sijil penggredan tamat tempoh;
- c) Permohonan pengelasan premis yang telah diperiksa dan lengkap akan dibawa ke **Mesyuarat Panel Pengelasan Premis Penginapan Pelancong**;
- d) Surat keputusan permohonan pengelasan **atau / dan** Sijil Penggredan akan diterima dalam **tempoh tujuh (7) hari bekerja** selepas keputusan **Mesyuarat Panel Pengelasan Premis Penginapan Pelancong** dikeluarkan; **dan**
- e) Pihak premis boleh mengemukakan **rayuan** dalam **tempoh 21 hari bekerja** daripada tarikh surat keputusan dikeluarkan.

#### 7. SIJIL PENGGREDAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG

- a) Sijil Penggredan akan hanya dikeluarkan setelah permohonan pengelasan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

- b) Sijil Penggredan dicetak atas **nama premis dan alamat** seperti di lesen perniagaan. (Penggunaan nama premis dengan menggunakan perkataan 'melancong', 'pelancongan', 'pengembaraan' atau 'pengendali pelancongan' dan seumpamanya seperti yang ditetapkan di dalam Seksyen 13: Akta 482 adalah dilarang).
- c) Tempoh sah laku sijil penggredan tidak melebihi **tiga (3) tahun**.

## **8. PENGGANTIAN SIJIL PENGGREDAN**

### **8.1 KEHILANGAN / KEMUSNAHAN SIJIL PENGGREDAN**

- a) Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi berserta dengan justifikasi bagi tujuan pengeluaran sijil gantian; **dan**
- b) Sijil penggredan baharu akan dikeluarkan bagi tujuan kehilangan / kemusnahan sijil penggredan. Fi penggantian sijil penggredan sebanyak RM50 akan dikenakan sekiranya pemohon gagal mengemukakan sijil asal penggredan

### **8.2 PERTUKARAN NAMA PREMIS**

- a) Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi sebagai makluman pertukaran nama premis; **dan**
- b) Sijil penggredan baharu akan dikeluarkan bagi tujuan pertukaran nama premis. Fi penggantian sijil penggredan sebanyak RM50 akan dikenakan sekiranya pemohon gagal mengemukakan sijil asal penggredan.

## **9. PERTUKARAN PEMILIK ATAU NAMA PREMIS**

- a) Pemohon perlu mengemukakan permohonan pengelasan baharu kepada Pejabat MOTAC Negeri.
- b) Sijil Penggredan yang baharu akan dikeluarkan setelah permohonan pengelasan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

## 10. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENGELASAN

- a) Di peringkat Pejabat MOTAC Negeri mengikut Zon:  
Laporan pemeriksaan pengelasan (baharu/semula/penilaian sendiri) yang telah lengkap, teratur dan sempurna hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat berdasarkan kepada piagam pelanggan daripada tarikh pemeriksaan dilaksanakan seperti di **Lampiran B**.
- b) Di peringkat Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya:  
Sijil Penggredan dikeluarkan dalam **tempoh tujuh (7) hari bekerja** setelah Mesyuarat Panel Pengelasan Premis Penginapan Pelancong bersidang.

## 11. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **15 Januari 2021**.

**SENARAI PERSATUAN-PERSATUAN HOTEL YANG DIKTIRAF OLEH  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

1. Persatuan Hotel Malaysia  
*Malaysian Association of Hotels (MAH)*
2. Persatuan Pemilik Hotel Malaysia  
*Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)*
3. Persatuan Hotel Budget Malaysia  
*Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA)*



**LAMPIRAN B****PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENGELASAN PEJABAT MOTAC NEGERI MENGIKUT ZON**

<b>PERKARA</b>	<b>ZON A</b>	<b>ZON B</b>	<b>ZON C</b>	<b>CATATAN</b>
<b>NEGERI</b>	Sarawak, Johor, Perak, Selangor, Pahang, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Kedah, Pulau Pinang, Melaka & Kelantan	Perlis, Negeri Sembilan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan	-
<b>PENDAFTARAN</b>	7 Hari bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan			Permohonan secara online SPIP. Rujuk Garis Panduan Pendaftaran
<b>PENGELASAN</b>	21 Hari bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan	14 Hari bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan	10 Hari bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan	Permohonan mengambil beban tugas mengikut zon

Petunjuk:

Mengikut bilangan permohonan pendaftaran